

20/02/1999

MCA puji cara Mahathir atasi kegawatan

KLANG, Jumaat - Ekonomi negara menunjukkan banyak tanda-tanda pemulihan berkat kepemimpinan Perdana Menteri yang berusaha keras menjana semula sektor perindustrian dan perkhidmatan, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Menurutnya, pelbagai tanda pemulihan ekonomi negara muncul seperti banyak hartanah dapat dijual semula, keteguhan pasaran saham dan tukaran mata wang asing, jalan raya kembali sesak dan restoran semakin banyak dikunjungi pelanggan.

"Semua tanda itu menunjukkan ekonomi negara mulai pulih daripada kegawatan kerana usaha keras Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina anjuran Dewan Perniagaan Cina Klang, di sini hari ini.

Dr Ling berkata, pemulihan ekonomi itu membuktikan rakyat perlu mengekalkan kepemimpinan yang ada bagi memastikan negara terus maju dan makmur.

"Apabila kita mendapat Perdana Menteri yang baik, kita patut mengekalkannya. Kita tidak boleh membiarkan dia pergi (berundur) demi kepentingan dan kebaikan rakyat, negara, rantau ini malah dunia," katanya.

Dr Ling menyeru rakyat terus memberi sokongan kepada kerajaan pimpinan Dr Mahathir supaya beliau akan dapat terus berkhidmat dan berbakti kepada negara.

Katanya, semua pemimpin dan masyarakat perlu bergerak seiring dalam satu hala tuju dengan kerajaan bagi memastikan Malaysia akan terus maju dan makmur terutama ketika negara dilanda kegawatan ekonomi.

(END)